

Deklarasi Asia Pasifik (APAC)

Ahli-ahli organisasi Gabungan Penyokong Pengurangan Bahaya Tembakau Asia Pasifik menyeru

Pakar Kesihatan Awam dan Agensi Kerajaan di negara-negara Asia Pasifik (negara-negara dibawah penetapan WHO SEARO dan WHO WPRO) untuk mengutamakan kesihatan rakyat mereka dan menyokong Pengurangan Bahaya Tembakau.

Lebih 2 juta orang di rantau ini akan mati akibat produk tembakau yang tidak selamat seperti rokok dan produk tembakau oral yang tidak selamat dai ianya berasal dari rantau ini. Kami sangat prihatin dengan keputusan yang sedang dibuat dalam pelbagai persidangan dan mesyuarat yang tidak mempertimbangkan kajian saintifik yang membuktikan kebaikan produk nikotin yang lebih selamat seperti rokok elektronik dan snus - yang boleh menggantikan produk yang membawa maut dan mampu menambah usia dan produktiviti kepada 2 juta orang.

Bagi pihak berjuta-juta orang yang menggunakan produk nikotin yang lebih selamat dan enam ratus juta perokok di rantau ini yang berhak mendapat akses ke alternatif yang lebih selamat, kami meminta Pfizer dan Persidangan Asia Pasifik Berkaitan Tembakau Dan Kesihatan yang dibiayai oleh Bloomberg untuk berhenti mendorong dasar gagal yang disokong oleh pembiaya mereka. Dasar yang ditolak oleh saintis, penyelidik dan negara-negara demokrasi seluruh dunia.

Kami menggesa semua pegawai di APAC untuk:

Sedar bahawa merokok menyebabkan sebahagian besar kematian dan penyakit yang berkaitan dengan tembakau. Rokok adalah penyebab utama penyakit berkaitan merokok, bukan nikotin atau menyedut wap. Penggunaan tembakau menyebabkan lebih dari 2 juta kematian setiap tahun di Asia Pasifik dan merokok menyebabkan sebahagian besar kematian tersebut.

Terdapat lebih daripada satu bilion perokok hari ini dan WHO menganggarkan bahawa lebih daripada satu bilion perokok akan kekal merokok sepuluh tahun dari sekarang. Rokok elektronik dan produk nikotin yang lebih selamat mampu memberi pilihan kepada perokok untuk melepaskan diri dari merokok.

Seharusnya inilah yang dimahukan oleh semua pihak.

Sedar bahawa produk nikotin yang lebih selamat jauh lebih selamat daripada rokok dan sudah membantu berjuta-juta orang untuk berhenti merokok atau tembakau oral yang tidak selamat.

Produk tembakau yang dipanaskan dan vape_tidak sama dengan merokok. Kedua-dua produk ini menggunakan alat elektronik untuk menghasilkan wap yang mengandungi nikotin tanpa membakar tembakau. Ulasan tahunan Public Health England secara konsisten menyimpulkan bahawa rokok elektronik adalah 95% lebih selamat daripada merokok. Berjuta-juta orang telah beralih dari rokok ke produk yang jauh lebih selamat ini.

Kerajaan yang bertanggung jawab untuk melindungi kesihatan awam harus menerima fakta ini dan bukan menafikannya.

Sedarlah bahawa mengurangkan bahaya adalah teras tanggungjawab antarabangsa. Rangka Kerja

Konvensyen mengenai Kawalan Tembakau mendefinisikan 'kawalan tembakau' sebagai 'rangkaian penawaran, permintaan dan strategi pengurangan bahaya yang bertujuan untuk meningkatkan kesihatan penduduk. Thailand telah menjadi peneraju penting dalam menggunakan strategi pengurangan bahaya untuk meningkatkan kesihatan awam dalam konteks lain. Ia harus juga merangkul pengurangan bahaya tembakau.

Sedarlah bahawa pengguna vape dan perokok membayar harga untuk pencegahan yang tidak wajar. Mengharamkan produk yang lebih selamat sementara menunggu kepastian saintifik membawa ratusan juta perokok menemui ajal sebelum waktunya.

Ia juga menyebabkan pelbagai penyakit dan memaksa pengguna produk nikotin yang lebih selamat untuk memilih antara melanggar undang-undang dan menyeludup produk mereka atau kembali merokok. Ini adalah sesuatu yang tidak boleh diterima.

Kawalselia dan bukannya mengharamkan. Pengharaman hanya berfungsi untuk melindungi industri rokok. Kebimbangan bahawa vape mungkin mempengaruhi belia atau menjadi 'pintu masuk' untuk merokok adalah tidak benar dan ianya berlandaskan bukti: Rokok elektronik telah menjadi penyelesaian untuk berhenti merokok untuk berjuta-juta orang dan menyaksikan penurunan kadar merokok golongan remaja. Daripada melarangnya, kerajaan harus mengawalselia rokok elektronik untuk memaksimumkan manfaat alternatif berisiko rendah sambil meminimumkan kemungkinan ia akan digunakan oleh belia atau bukan perokok.

Kawalselia mengikut kadar risiko. Produk nikotin yang lebih selamat harus dikenakan peraturan yang seimbang tetapi harus dikawalselia mengikut kadar risikonya. Ianya tidak sama dengan rokok. Ia semestinya dilarang untuk golongan bawah umur. Ia harus mempunyai amaran kesihatan. Ia harus mempunyai standard kualiti dan keselamatan. Ia tidak boleh dikawalselia seperti ubat. Kajian klinikal yang dapat membuktikan "keselamatan dan keberkesanan" adalah standard yang tidak tepat untuk produk pengguna yang pasti lebih selamat daripada alternatifnya. Larangan hanya akan melindungi industri rokok.

Fikirkan semula dogma. Produk yang lebih selamat harus didorong dan bukan diserang dengan cara yang sama seperti rokok, apatah lagi diharamkan. Kesihatan perokok dan kredibiliti Kerajaan akan dipersoalkan: terdapat cukup bukti saintifik yang dapat disahkan bahawa produk nikotin yang lebih selamat adalah jauh lebih selamat daripada tembakau oral dan rokok. Terdapat juga bukti statistik yang dapat disahkan bahawa pengawalseliaan yang mampu menjamin akses kepada golongan dewasa akan segera mengurangkan akses kepada golongan bawah umur. Kesihatan rakyat dan kredibiliti Kerajaan dipertaruhkan: Kerajaan harus menghindari dari dianggap sebagai mempromosikan kepentingan industri rokok dan farmaseutikal. Kita tidak boleh dipaksa untuk memilih antara produk tembakau yang bahaya dan terapi penggantian nikotin yang berkesan.

Sedar bahawa kesihatan awam adalah mengenai manusia. Terima bukti bukti saintifik dan pendapat profesional kesihatan awam yang telah menyatakan dengan jelas bahawa produk nikotin yang lebih selamat jauh lebih selamat daripada rokok. Anda tahu bahawa berjuta-juta perokok tidak berjaya berhenti dengan pilihan yang sedia ada. Anda sedar bahawa alternatif lebih selamat telah membantu berjuta-juta orang untuk meninggalkan rokok. Inilah masanya untuk pegawai kesihatan awam dan kerajaan untuk memberitahu jutaan perokok dan berbilion perokok fakta yang sebenarnya. Beralih ke produk nikotin yang lebih selamat adalah lebih baik untuk individu dan lebih baik untuk kesihatan awam daripada terus merokok.

Berkata benar: Beralih ke produk nikotin yang lebih selamat dan dikawalselia adalah lebih baik daripada meneruskan merokok atau menggunakan produk tembakau oral yang tidak selamat.

2 September 2021

oleh anggota Gabungan Penyokong Pengurangan Bahaya Tembakau Asia Pasifik: